

Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk Penyertaan bagi Inisiatif ‘Kami Menyokong Muzik Malaysia’ (“Inisiatif”) yang dianjurkan oleh Astro Radio Sdn Bhd (“ARSB”)

1. Inisiatif ini terbuka untuk penyertaan oleh rakyat Malaysia (“**Peserta**”) di mana jika dipilih ARSB akan mempromosikan muzik Peserta di platform ARSB.
2. Peserta harus melayari laman web stesen-stesen radio ARSB dan melengkapkan semua butir-butir yang diperlukan. Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Inisiatif ini. ARSB menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Inisiatif ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak ARSB, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh ARSB sebagai salah satu pra syarat penyertaan Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.
3. Tempoh untuk penyertaan adalah dari **Khamis, 1 April 2021** sehingga **Jummat, 31 Disember 2021** (“**Tempoh Inisiatif**”). ARSB berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Inisiatif atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknya. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan untuk Inisiatif ini sepanjang Tempoh Inisiatif.
4. Untuk mengelakkan keraguan, tiada apa yang dinyatakan di sini dimaksudkan untuk mewajibkan ARSB untuk mempromosikan muzik yang diserahkan, dan ARSB mempunyai hak mutlak untuk menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan untuk apa jua sebab. Apa-apa keputusan oleh ARSB mengenai Inisiatif ini adalah muktamad dan ARSB tidak akan melayan apa-apa rayuan atau persoalan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.
5. Peserta menjamin bahawa:
 - (i) mereka merupakan pemilik hak cipta muzik/foto/video yang diserahkan atau telah mendapatkan kebenaran daripada pemilik hak cipta untuk menyerahkan muzik/foto/video tersebut;
 - (ii) mereka mempunyai hak di bawah undang-undang dan dengan ini memberikan kepada ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka, hak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan muzik/foto/video yang diserahkan oleh Peserta dan/atau memasukkan muzik/foto/video tersebut dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlak ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka, untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti atau fi kepada Peserta;
 - (iii) mereka menyetujui apa-apa hak moral dalam muzik/foto/video yang diserahkan;

- (iv) penggunaan lesen-lesen yang diberikan oleh Peserta kepada ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka, tidak melanggar mana-mana hak cipta, hak privasi, hak publisiti, hak moral, hak pelaku atau mana-mana hak kepunyaan orang lain, firma atau syarikat lain; dan
 - (v) muzik/foto/video yang diserahkan tidak mengandungi elemen yang tidak senonoh, memfitnah, berskandal, eksplisit, beradang, lucu atau menghina.
6. ARSB mempunyai hak mutlak untuk membuat keputusan mengenai jenis platform ARSB di mana muzik tersebut akan dipromosikan. Untuk promosi di atas udara, penyiaran muzik tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan (*availability*) slot-slot dan berdasarkan *Run of Station (ROS)*. ARSB tidak memberikan komitmen untuk mempromosikan muzik tersebut untuk mana-mana jangka masa spesifik.
 7. ARSB mempunyai budi bicara terakhir untuk meminda, menukar atau menyunting muzik/foto/video yang diserahkan oleh Peserta untuk menjadikan yang sama sesuai untuk promosi di platform ARSB.
 8. Peserta juga bersetuju bahawa ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka mempunyai hak untuk menggunakan nama, *sobriquet*, tandatangan, kesamaan, gambar, potret, karikatur, *silhouette*, suara Peserta untuk Inisiatif ini termasuk untuk waktu siaran atau usaha atas talian, komersial, pengiklanan, publisiti, barang dagangan, penerbitan, atau penerbitan muzik oleh ARSB.
 9. ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka dengan khususnya menafikan kesemua dan apa jua liabiliti berkaitan dengan Inisiatif ini. Peserta setuju untuk menggantirugi (*indemnify*) dan melepaskan ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka dari dan terhadap sebarang dan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Inisiatif ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tuntutan pelanggaran hak oleh pihak ketiga yang berkaitan dengan penggunaan hak-hak yang diberikan oleh Peserta kepada ARSB dan syarikat bersekutu atau rakan kongsi mereka dalam Inisiatif ini.
 10. Dengan menghantar penyertaan, Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada dan akui bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju kepada terma-terma di dalam Notis Privasi yang terdapat di www.astroradio.com.my dan setuju kepada pemprosesan data peribadi Peserta oleh ARSB, dan juga bersetuju kepada penerbitan data peribadi mereka di platform awam untuk tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan promosi dan pemasaran.
 11. ARSB berhak meminda, menambah atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu, dan dengan menghantar penyertaan selepas pemindaan, penambahan atau perubahan, Peserta bersetuju untuk tertakluk kepada terma dan syarat sepertimana dipinda, ditambah atau diubah.
 12. Bahasa utama terma-terma dan syarat-syarat ini adalah Bahasa Inggeris. Apa-apa terjemahan kepada bahasa lain adalah untuk tujuan kemudahan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang bercanggah dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.